

## **Penerapan Nilai Patriotisme dalam Pengajaran Sejarah Sekolah Rendah: Cabaran Pelaksanaannya dalam Kalangan Guru Pelatih**

*Nurhijrah Zakaria, Hamid Salleh, Mazuki Abd Razak, Mansor Abd Rahman, Anisah Harun, Hasnul Hadi Tengah*

### **Kata Kunci:**

**Kata Kunci: Patriotisme, Penerapan Nilai, Mata Pelajaran Sejarah, Guru Pelatih**



### **Abstrak:**

Penerapan nilai patriotisme di sekolah merupakan satu perkara penting untuk melahirkan generasi muda yang cinta terhadap negara. Kajian ini bertujuan untuk meneroka kaedah yang digunakan oleh guru pelatih bidang Sejarah untuk menerapkan nilai patriotisme kepada murid sekolah rendah semasa proses pengajaran dan pembelajaran serta cabaran pelaksanaannya. Kajian yang menggunakan reka bentuk kajian kes ini telah dijalankan terhadap tiga orang guru pelatih yang mengambil mata pelajaran Sejarah sebagai kursus elektif yang sedang menjalani praktikum di sekolah rendah di Daerah Kuala Nerus, Terengganu. Pengumpulan data menggunakan kaedah senarai semak pemerhatian, temu bual bersemuka secara dalam talian dan analisis dokumen. Instrumen yang digunakan ialah protokol temu bual separa berstruktur serta borang analisis dokumen Rancangan Pengajaran Harian. Data dianalisis menggunakan pendekatan bertema dan triangulasi digunakan untuk tujuan pengesahan dan kebolehpercayaan data kajian. Hasil analisis mendapati, peserta kajian menerapkan nilai patriotisme dalam proses pengajaran dan pembelajaran melalui aktiviti pembelajaran, penjelasan nilai, penegasan nilai, penyisipan nilai, latihan dan soal jawab dan melalui contoh teladan yang baik. Cabaran yang dihadapi oleh peserta kajian dalam menerapkan nilai patriotisme ialah penggunaan masa pengajaran yang terhad, mengutamakan penyampaian kandungan isi pelajaran, aktiviti pembelajaran nilai patriotisme kurang pelbagai, gangguan karenah murid serta pengaruh luaran. Kajian ini memberi implikasi kepada penambahbaikan terhadap perancangan dan amalan pengajaran penerapan nilai patriotisme dalam kalangan guru pelatih bidang Sejarah di sekolah rendah. Kepelbagaian kaedah penerapan nilai perlu diberi pendedahan diamalkan dan dilaksanakan oleh guru-guru bagi meningkatkan keberkesanan pengajaran mereka.

### **Keywords:**

**Keywords: Patriotism, Implementation of Values, History Subject, Teacher Trainee**

### **Abstract:**

The implementation of patriotism values in schools represents the vital element to produce the younger generation who embrace the country. This study aims to identify and explore the methods used by History trainee teachers by applying the value of patriotism among students during the teaching and learning process. This case study was conducted on three History trainee teachers in primary schools in Kuala Nerus district, Terengganu. Data collection is through face-to-face interviews and online using semi-structured interview protocols and checklists and Rancangan Pelajaran Harian analysis. Data analysis was done by applying a thematic approach and the triangulation process is performed for validation and reliability of the data. The analysis found that the participants applied the value of patriotism in the teaching and learning process through learning activities, value explanation, value assertion, value insertion, training and question and answer and through good role models. The challenges faced by the study participants in applying the values of patriotism are limited teaching time, prioritizing the delivery of content, learning activities of less diverse patriotism values, students' excuses and external influences. This study has implications for the improvement of planning and teaching practice of the implementation of patriotic values among History trainee teachers in primary schools. A variety of value implementation methods need to be given exposure to be practiced and attempted by trainee teachers to improve the effectiveness of their teaching.